

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 17 JUN 2015

SOALAN : 34

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kos pengurusan sisa nuklear (*nuclear waste disposal management*) dan bagaimana Kerajaan akan bayar kos pengurusan ini.

**JAWAPAN: (OLEH YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat setakat ini masih belum ada anggaran kos terperinci terhadap pengurusan sisa nuklear memandangkan kajian masih dijalankan.

Namun begitu, dengan merujuk kepada negara-negara luar yang menggunakan tenaga nuklear dalam penjanaan elektrik, biasanya kos pengurusan sisa nuklear akan dimasukkan dalam caj yang perlu dibayar oleh pengguna bekalan elektrik yang dijana oleh loji janakuasa nuklear. Ini disebabkan kos pengurusan sisa nuklear dan penyahtauliahahan loji janakuasa nuklear, atau dengan izin, *nuclear power plant decommissioning* merupakan sebahagian daripada kos penjanaan elektrik oleh loji nuklear.

Ini bermakna kos pengurusan sisa dan penyahtauliahahan loji merupakan kos dalaman, atau dengan izin, *internal cost*, dalam perkiraan kos penjanaan elektrik oleh loji janakuasa nuklear.

Mengikut pengalaman negara-negara yang menggunakan loji nuklear, kos pengurusan sisa dan penyahtauliahahan loji adalah kurang daripada dua peratus daripada keseluruhan kos penjanaan elektrik oleh loji nuklear.

Kutipan daripada caj pengurusan sisa dan penyahtauliahahan loji perlu dimasukkan dalam tabung khas untuk digunakan bagi tujuan pengurusan sisa dan penyahtauliahahan loji berkenaan kelak. Tabung

ini perlu ditubuhkan di bawah undang-undang berkenaan. Oleh itu, generasi akan datang tidak dibebankan dengan kos pengurusan sisa dan penyahtauliah loji nuklear yang digunakan oleh generasi sebelumnya.

Sekian. Terima kasih.